



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

LAPORAN HARIAN SELASA, 30 SEPTEMBER 2025



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<b>KERJASAMA RENTAS KEMENTERIAN BANGUN SISTEM PERLINDUNGAN SOSIAL LEBIH MENYELURUH, INKLUSIF</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1452011/kerjasama-rentas-kementerian-bangun-sistem-perlindungan-sosial-lebih">https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/09/1452011/kerjasama-rentas-kementerian-bangun-sistem-perlindungan-sosial-lebih</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://mediaselangor.com/en/2025/09/322860/govt-steps-up-action-to-curb-lewd-online-content-involving-minors">https://mediaselangor.com/en/2025/09/322860/govt-steps-up-action-to-curb-lewd-online-content-involving-minors</a>	MEDIASELANGOR.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
2	<b>TASKA BERHAK TOLAK JAGA BAYI BAWAH SETAHUN DEMI KESELAMATAN - NANCY</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2472856">https://bernama.com/bm/news.php/news.php?id=2472856</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/nurseries-can-refuse-infants-under-one-year-on-safety-grounds-FF14995347">https://thesun.my/malaysia-news/nurseries-can-refuse-infants-under-one-year-on-safety-grounds-FF14995347</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/29/nurseries-can-refuse-infants-on-safety-grounds-says-nancy">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/29/nurseries-can-refuse-infants-on-safety-grounds-says-nancy</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2472857">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2472857</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.malysiakini.com/news/756509">https://www.malysiakini.com/news/756509</a>	MALYSIAKINI.COM	
	<a href="https://malysiagazette.com/2025/09/29/taska-berhak-tolak-jaga-bayi-bawah-setahun-demi-keselamatan-nancy/">https://malysiagazette.com/2025/09/29/taska-berhak-tolak-jaga-bayi-bawah-setahun-demi-keselamatan-nancy/</a>	MALYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
3	<b>NANCY: PERANTIS PROGRAMME TO EMPOWER 100 WOMEN LEADERS ANNUALLY</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://www.theborneopost.com/2025/09/29/nancy-perantis-programme-to-empower-100-women-leaders-annually/">https://www.theborneopost.com/2025/09/29/nancy-perantis-programme-to-empower-100-women-leaders-annually/</a>	THEBORNEOPOST.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
4	<b>NORAINI TERUS KOMITED SANTUNI RAKYAT PARIT SULONG</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://umno-online.my/2025/09/29/noraini-terus-komited-santuni-rakyat-parit-sulong/">https://umno-online.my/2025/09/29/noraini-terus-komited-santuni-rakyat-parit-sulong/</a>	UMNO-ONLINE.MY	
	<a href="https://umno-online.my/2025/09/29/karnival-kampung-angkat-madani/">https://umno-online.my/2025/09/29/karnival-kampung-angkat-madani/</a>	UMNO-ONLINE.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
5	<b>REMAJA TAWAR PERKHIDMATAN SEKSUAL MELALUI TELEGRAM DITEMPATKAN DI BAWAH JKM</b>		<b>NEUTRAL</b>
	<a href="https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2472865">https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2472865</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/750103/berita/semasa/remaja-15-tahun-didakwa-tawar-khidmat-seks-di-telegram-dirujuk-ke-jkm">https://www.sinarharian.com.my/article/750103/berita/semasa/remaja-15-tahun-didakwa-tawar-khidmat-seks-di-telegram-dirujuk-ke-jkm</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1269481/polis-sahkan-remaja-perempuan-15-tahun-tawar-khidmat-seks">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1269481/polis-sahkan-remaja-perempuan-15-tahun-tawar-khidmat-seks</a>	HMETRO.COM.MY	
	<a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/29/teen-girl-offering-sex-services-online-placed-under-welfare-dept039s-care">https://www.thestar.com.my/news/nation/2025/09/29/teen-girl-offering-sex-services-online-placed-under-welfare-dept039s-care</a>	THESTAR.COM.MY	
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/29/girl-who-offered-sex-services-via-telegram-under-welfare-depts-care">https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2025/09/29/girl-who-offered-sex-services-via-telegram-under-welfare-depts-care</a>	FREEMALAYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2472881">https://www.bernama.com/en/region/news.php?id=2472881</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/teen-girl-offering-sex-on-telegram-placed-in-welfare-care-CF14995263">https://thesun.my/malaysia-news/teen-girl-offering-sex-on-telegram-placed-in-welfare-care-CF14995263</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://suarasarawak.my/remaja-tawar-perkhidmatan-seksual-melalui-telegram-ditempatkan-di-bawah-jkm/">https://suarasarawak.my/remaja-tawar-perkhidmatan-seksual-melalui-telegram-ditempatkan-di-bawah-jkm/</a>	SUARASARAWAK.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-tawar-perkhidmatan-seksual-melalui-telegram-ditempatkan-di-bawah-jkm-540671">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-tawar-perkhidmatan-seksual-melalui-telegram-ditempatkan-di-bawah-jkm-540671</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/29/kelantan-police-teen-girl-found-offering-sex-on-telegram-now-under-social-welfare-care/192820">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/29/kelantan-police-teen-girl-found-offering-sex-on-telegram-now-under-social-welfare-care/192820</a>	MALAYMAIL.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/29/remaja-15-tahun-tawar-khidmat-seks-melalui-telegram-kini-dijaga-jkm">https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/29/remaja-15-tahun-tawar-khidmat-seks-melalui-telegram-kini-dijaga-jkm</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	
	<a href="https://thesun.my/cerita/berita/remaja-15-tahun-tawar-khidmat-seks-melalui-telegram-di-bawah-jagaan-jkm-EF14995375">https://thesun.my/cerita/berita/remaja-15-tahun-tawar-khidmat-seks-melalui-telegram-di-bawah-jagaan-jkm-EF14995375</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/09/29/kerana-kecewa-budak-15-tahun-terjebak-jual-diri-di-telegram/">https://www.kosmo.com.my/2025/09/29/kerana-kecewa-budak-15-tahun-terjebak-jual-diri-di-telegram/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://lobakmerah.com/kecewa-dirgol-budak-umur-15-tahun-jual-diri-di-telegram/">https://lobakmerah.com/kecewa-dirgol-budak-umur-15-tahun-jual-diri-di-telegram/</a>	LOBAKMERAH.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
6	<b>SARAWAK DEPLOYS 7,000 PERSONNEL FOR NORTHEAST MONSOON SEASON</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/sarawak-deploys-7000-personnel-for-northeast-monsoon-season-GF14994398">https://thesun.my/malaysia-news/sarawak-deploys-7000-personnel-for-northeast-monsoon-season-GF14994398</a>	THESUN.MY	
	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/29/deputy-premier-over-7000-personnel-readied-as-sarawak-braces-for-monsoon-season/192808">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2025/09/29/deputy-premier-over-7000-personnel-readied-as-sarawak-braces-for-monsoon-season/192808</a>	MALAYMAIL.COM	
	<a href="https://www.tvsarawak.my/2025/09/29/sarawak-bersiap-sedia-hadapi-monsun-timur-laut-uggah/">https://www.tvsarawak.my/2025/09/29/sarawak-bersiap-sedia-hadapi-monsun-timur-laut-uggah/</a>	TVSARAWAK.MY	
	<a href="https://suarasarawak.my/sarawak-sudah-bersedia-hadapi-monsun-timur-laut-uggah/">https://suarasarawak.my/sarawak-sudah-bersedia-hadapi-monsun-timur-laut-uggah/</a>	SUARASARAWAK.MY	
	<a href="https://www.sarawaktribune.com/state-ready-for-northeast-monsoon-with-over-7000-personnel-on-standby/">https://www.sarawaktribune.com/state-ready-for-northeast-monsoon-with-over-7000-personnel-on-standby/</a>	SARAWAKTRIBUNE.COM	
	<a href="https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2472803">https://bernama.com/bm/am/news.php?id=2472803</a>	BERNAMA.COM	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-7000-anggota-12000-aset-siapsiaga-hadapi-monsun-timur-laut-di-sarawak-540640">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lebih-7000-anggota-12000-aset-siapsiaga-hadapi-monsun-timur-laut-di-sarawak-540640</a>	ASTROAWANI.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
7	<b>KEMPEN SIFAR KEMISKINAN HAID, TANGANI ISU REMAJA PEREMPUAN MALAYSIA</b>		<b>POSITIF</b>
	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kempen-sifar-kemiskinan-haid,-tangani-isu-remaja-perempuan-malaysia">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/kempen-sifar-kemiskinan-haid,-tangani-isu-remaja-perempuan-malaysia</a>	BERITA.RTM.GOV.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/remaja-perempuan-b40-tidak-mampu-beli-tuala-wanita/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/remaja-perempuan-b40-tidak-mampu-beli-tuala-wanita/</a>	UTUSAN.COM.MY	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
8	<b>WANITA DITEMUI MATI DISYAKI DIBUNUH, POLIS TAHAN SUAMI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-ditemui-mati-disyaki-dibunuh-polis-tahan-suami/">https://www.buletintv3.my/nasional/wanita-ditemui-mati-disyaki-dibunuh-polis-tahan-suami/</a>	BULETINTV3.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/750119/berita/semasa/wanita-ditemui-mati-disyaki-dibunuh">https://www.sinarharian.com.my/article/750119/berita/semasa/wanita-ditemui-mati-disyaki-dibunuh</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/09/29/wanita-warga-myanmar-ditemui-mati-disyaki-dibunuh/">https://malaysiagazette.com/2025/09/29/wanita-warga-myanmar-ditemui-mati-disyaki-dibunuh/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
9	<b>LANS KOPERAL DIDAKWA SENTUH, CEDERAKAN WANITA ORANG ASLI</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.kosmo.com.my/2025/09/29/lans-koperal-didakwa-sentuh-cederakan-wanita-orang-asli/">https://www.kosmo.com.my/2025/09/29/lans-koperal-didakwa-sentuh-cederakan-wanita-orang-asli/</a>	KOSMO.COM.MY	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/750027/edisi/perak/lans-koperal-didakwa-cabul-wanita-di-kebun-sawit">https://www.sinarharian.com.my/article/750027/edisi/perak/lans-koperal-didakwa-cabul-wanita-di-kebun-sawit</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://malaysiagazette.com/2025/09/29/lans-koperal-mengaku-tak-bersalah-cabul-wanita-orang-asli/">https://malaysiagazette.com/2025/09/29/lans-koperal-mengaku-tak-bersalah-cabul-wanita-orang-asli/</a>	MALAYSIAGAZETTE.COM	
	<a href="https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/29/anggota-polis-didakwa-cabul-aib-wanita-orang-asli">https://www.freemalysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2025/09/29/anggota-polis-didakwa-cabul-aib-wanita-orang-asli</a>	FREEMALYSIATODAY.COM	
	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1283785/police-man-charged-molesting-filming-orang-asli-woman">https://www.nst.com.my/news/nation/2025/09/1283785/police-man-charged-molesting-filming-orang-asli-woman</a>	NST.COM.MY	
	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/lans-koperal-didakwa-cabul-cederakan-wanita-orang-asli/">https://www.utusan.com.my/nasional/2025/09/lans-koperal-didakwa-cabul-cederakan-wanita-orang-asli/</a>	UTUSAN.COM.MY	

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
10	<b>REMAJA ROGOL KENALAN BAWAH UMUR DIHANTAR KE SEKOLAH HENRY GURNEY</b>		<b>NEGATIF</b>
	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1269371/remaja-rogol-kenalan-bawah-umur-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/09/1269371/remaja-rogol-kenalan-bawah-umur-dihantar-ke-sekolah-henry-gurney</a>	HMETRO.COM.MY	



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



30/9/2025

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1451895/rogol-kenalan-media-sosial-remaja-diperintah-ke-sekolah-henry-gurney">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2025/09/1451895/rogol-kenalan-media-sosial-remaja-diperintah-ke-sekolah-henry-gurney</a>	BHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-teman-wanita-14-tahun-remaja-diperintah-ke-sekolah-henry-gurney-540582">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-teman-wanita-14-tahun-remaja-diperintah-ke-sekolah-henry-gurney-540582</a>	ASTROAWANI.COM	
	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/750035/berita/semasa/rogol-teman-wanita-umur-14-tahun-remaja-diperintah-ke-sekolah-henry-gurney">https://www.sinarharian.com.my/article/750035/berita/semasa/rogol-teman-wanita-umur-14-tahun-remaja-diperintah-ke-sekolah-henry-gurney</a>	SINARHARIAN.COM.MY	
	<a href="https://onetiger.com/rogol-kenalan-media-sosial-remaja-ke-sekolah-henry-gurney/">https://onetiger.com/rogol-kenalan-media-sosial-remaja-ke-sekolah-henry-gurney/</a>	ONETIGER.COM	

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kerjasama rentas kementerian bangun sistem perlindungan sosial lebih menyeluruh, inklusif



Oleh Fahmy A Rosli - September 29, 2025 @ 5:24pm



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri pada Forum Keselamatan Sosial Dunia 2025 (WSSF) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC). - Foto NSTP/ASWADI ALIAS

KUALA LUMPUR: Kerjasama rentas kementerian perlu diperkukuh supaya usaha membangunkan sistem perlindungan sosial golongan sasaran dapat dilaksanakan secara lebih berkesan dan menyeluruh.

Menerusi sesi plenari khas dengan beberapa menteri sempena Forum Keselamatan Sosial Sedunia (WSSF) 2025 hari ini, mereka secara dasarnya mengakui sinergi antara kementerian adalah kunci utama ke arah itu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata pihaknya tidak terkecuali memanfaatkan pendekatan itu menerusi kerjasama dengan kementerian lain bagi menyelesaikan isu berbangkit seperti keselamatan sosial khusus bagi golongan wanita dan suri rumah dalam industri gig.

"Kita perlu bekerjasama dengan semua kementerian. Kami bekerja dengan Kementerian Sumber Manusia, bergantung kepada isu dan mereka boleh membekalkan kami dengan data diperlukan," katanya ketika menjadi panel sesi berkenaan hari ini.

Menteri Belia dan Sukan, Hannah Yeoh, mengakui kepentingan berkolaborasi sesama kementerian untuk mencari penyelesaian isu perlindungan sosial, seperti ditekankan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"Perdana Menteri selalu tegaskan dalam mesyuarat Kabinet mengenai pentingnya kolaborasi. Dengan peruntukan yang terhad, kita perlu bekerjasama.

"Jangan letakkan perlindungan sosial dalam kotak kerana keadaannya akan menjadi berbeza pada masa akan datang," katanya.

Menteri Digital, Gobind Singh Deo, berpandangan setiap kementerian mempunyai cabaran tersendiri yang memerlukan kerjasama rentas kementerian untuk menyelesaikan isu berbanding.

"Tiada apa dapat diselesaikan jika kita bekerja secara sendiri atau silo.

"Setiap kementerian ada cabaran berasingan atau berbeza. Kami juga ada bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia untuk selesaikan masalah dihadapi, antaranya menerusi platform MyMAHIR bagi menyelaras bakat dalam bidang kecerdasan buatan (AI)," katanya.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Taska Berhak Tolak Jaga Bayi Bawah Setahun Demi Keselamatan – Nancy

🕒 29/09/2025 08:34 PM



Datuk Seri Nancy Shukri

SHAH ALAM, 29 Sept (Bernama) -- Pengusaha taman asuhan kanak-kanak (taska) berhak menolak mengambil bayi berusia bawah setahun sekiranya aspek keselamatan tidak dapat dijamin, kata Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) Datuk Seri Nancy Shukri.

Beliau menegaskan pengusaha taska terikat kepada undang-undang, dan jika tidak dapat memastikan keselamatan bayi, mereka seharusnya menolak untuk menerima atau menjaga bayi tersebut.

"Setiap taska perlu mematuhi undang-undang...jadi jika mereka menolak atas sebab keselamatan, itu bukan salah mereka. Keselamatan kanak-kanak sangat penting, dan taska tidak mahu disalahkan sekiranya berlaku perkara tidak diingini," katanya selepas menghadiri Sesi Bicara Tokoh Alumni sempena Minggu Destini Siswa di Universiti Teknologi MARA (UiTM) di sini hari ini.

Sebelum ini, Exco Pembangunan Wanita dan Kebajikan Masyarakat Selangor Anfaal Saari, berkata kerajaan negeri akan membawa isu ini kepada perhatian KPWKM kerana langkah itu mungkin mendorong sesetengah ibu bapa menghantar anak kepada pengasuh tidak berdaftar di rumah.

Nancy menasihatkan ibu bapa agar sama-sama memainkan peranan memastikan kebajikan dan perlindungan anak diutamakan ketika memilih taska.

Kerajaan juga menyediakan pelepasan cukai kepada ibu bapa yang menghantar anak berusia enam tahun ke bawah ke taska berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Pada 25 Julai lalu, Anfaal mendedahkan segelintir pengusaha taska dikatakan mula mewujudkan gerakan tidak mengambil bayi bawah 12 bulan di premis mereka susulan kerisauan pihak berkenaan terhadap kes-kes termasuk kematian akibat tersedak susu.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	MINISTER: PERANTIS PROGRAMME TO EMPOWER 100 WOMEN LEADERS ANNUALLY		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	30 SEPTEMBER 2025	M/SURAT :	04
TONE :	POSITIF	SEKTOR :	KPWKM

## Minister: Perantis programme to empower 100 women leaders annually

**KUCHING:** The Women's Leadership Apprenticeship Programme (Perantis) will continue with 100 women leaders selected nationwide every year, said Datuk Seri Nancy Shukri.

The Minister of Women, Family and Community Development said the programme, implemented through the Women's Development Department, aims to empower women leaders by providing them with the knowledge, mentorship, and networking opportunities needed to enhance their leadership skills across various sectors.

"Only 26 applied last year as we introduced it quite late. This year we have 100, and for now, the ministry will continue to implement this programme with a target of 100 women per year," she told *The Borneo Post* in an exclusive interview here on Sunday.

She added that through the leadership-based programme, each participant is eligible to receive up to RM50,000 to carry out initiatives in their respective fields.

"Perantis is more about leadership. Leadership could be economic, it could be social, and



Nancy cuts the ribbon to officiate at the opening of NS Pua Batik Boutique.

also political."

For the 2025 cycle, applications were open from Feb 27 to March 16. Candidates were evaluated by a panel of experts based on the innovation, feasibility and impact

of their proposed programmes. The government allocated RM5 million for the initiative, with each of the 100 selected women leaders eligible to receive up to RM50,000.

Earlier, Nancy officiated at the opening of NS Pua Batik Boutique in Tun Jugah Mall, which features Sarawak-inspired ethnic designs by local entrepreneurs.

"This is a new batik outlet

in Sarawak and it is truly Sarawakian. It is actually ethnic design for Sarawak. We don't call it Sarawak batik because I do not want it to be tied only to the state, as many other states also produce ethnic batik.

"What we see in this outlet is the quality and characteristics of the product – the materials used and the designs that reflect the people behind it," she said, highlighting the work of Samarahan-born designer Jaludin Zaini and his partner Norlia Shukri.

Nancy said Jaludin, better known as Din, has gained recognition in Peninsular Malaysia for his artistic work.

"He has been very well acknowledged and well received there, and people have been very supportive of his work. Therefore, we as Sarawakians should also support and be proud of him.

"I would like to encourage people to come to NS Pua at Tun Jugah building to see for themselves the kind of batik being produced by both Sarawakian entrepreneurs and artists. Some of the designs feature the pua kumbu motif and showcase the uniqueness of Sarawak fabrics," she added.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## | Nancy: Perantis programme to empower 100 women leaders annually

BY JUDE TOYAT ON SEPTEMBER 29, 2025, MONDAY AT 12:37 PM

SARAWAK



*Nancy cuts the ribbon to officiate the opening of NS Pua Batik Boutique at Tun Jugah Mall on Sunday.*

KUCHING (Sept 29): The Women's Leadership Apprenticeship Programme (Perantis) will continue with 100 women leaders to be selected nationwide per year, said Minister of Women, Family and Community Development Datuk Seri Nancy Shukri.

Nancy said the programme, implemented through the Women's Development Department, aims to empower women leaders by providing them with the knowledge, mentorship, and networking opportunities needed to enhance their leadership skills across various sectors.

"Only 26 applied last year as we introduced it quite late. This year we have 100, and for now, the ministry will continue to implement this programme with a target of 100 women per year," she told The Borneo Post in an exclusive interview here yesterday.

Nancy added that through the leadership-based programme, each participant is eligible to receive up to RM50,000 to carry out initiatives in their respective fields.

"Perantis is more about leadership. Leadership could be economic, it could be social, and also political," she explained.

For the 2025 cycle, applications were open from Feb 27 to March 16. Candidates were evaluated by a panel of experts based on the innovation, feasibility and impact of their proposed programmes. The government allocated RM5 million for the initiative, with each of the 100 selected women leaders eligible to receive up to RM50,000.

Earlier, Nancy officiated the opening of NS Pua Batik Boutique at Tun Jugah Mall, which features Sarawak-inspired ethnic designs by local entrepreneurs.

"This is a new batik outlet in Sarawak, and it is truly Sarawakian. It is actually ethnic design for Sarawak. We don't call it Sarawak batik because I do not want it to be tied only to the state, as many other states also produce ethnic batik.

"What we see in this outlet is the quality and characteristics of the product — the materials used and the designs that reflect the people behind it," she said, highlighting the work of Samarahan-born designer Jaludin Zaini and his partner Norlia Shukri.

Nancy said Jaludin, better known as Din from Kampung Lubok Ria, has gained recognition in Peninsular Malaysia for his artistic work.

"He has been very well acknowledged and well received there, and people have been very supportive of his work. Therefore, we as Sarawakians should also support and be proud of him.

"I would like to encourage people to come to NS Pua at Tun Jugah building to see for themselves the kind of batik being produced by both Sarawakian entrepreneurs and artists. Some of the designs feature the pua kumbu motif and showcase the uniqueness of Sarawak fabrics," she added.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Noraini Terus Komited Santuni Rakyat Parit Sulong

📅 29 September 2025

📁 [Berita Lain](#), [Berita Utama](#)

KUALA LUMPUR, 29 Sept – Ahli Parlimen Parit Sulong, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad terus komited turun padang menyantuni rakyat di kawasan melalui program bersifat kemasyarakatan.

Terbaharu beliau yang juga Ketua Wanita UMNO Malaysia menyertai program yang memberi fokus kepada kesejahteraan rakyat serta memperkukuh hubungan antara pemimpin dan masyarakat setempat.

"Alhamdulillah, hari ini saya berpeluang bersama masyarakat di Kompleks Penghulu Mukim 3, Kampung Bintang, Peserai, Batu Pahat dalam Karnival Kampung Angkat Madani anjuran Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR).

"Program ini telah dirasmikan oleh Encik Badaruddin Tahir, Timbalan Setiausaha SPR Malaysia, dan berjaya menghimpunkan pelbagai agensi kerajaan, pertubuhan serta masyarakat setempat dalam suasana penuh kemeriahan dan kebersamaan," katanya menerusi satu hantaran di Facebook.



Noraini yang juga Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat memaklumkan pelbagai pengisian telah diadakan sepanjang program, antaranya pertandingan aerobikthon bertema Sarung Dan Patriotik, sukan rakyat, futsal belia, pertandingan kreativiti, pertandingan kanak-kanak serta aktiviti berasaskan kekeluargaan.



Karnival ini turut diserikan dengan penyertaan pelbagai agensi kerajaan melalui reruai pameran dan perkhidmatan bergerak serta sesi taklimat bagi menyampaikan mesej kesedaran dan pendidikan masyarakat.

"Pada sebelah petang pula, penyampaian sumbangan kepada 100 orang asnaf, khidmat gunting rambut percuma, penukaran minyak hitam percuma oleh Giatmara, pertandingan santai serta cabutan bertuah telah menambahkan lagi

kemeriahan.

"Secara keseluruhan, karnival ini bukan sahaja berjaya mengeratkan hubungan antara masyarakat dan agensi kerajaan, malah menjadi platform penting dalam memperkukuh perpaduan dan menyemai semangat dalam memperkukuh aspirasi membina sebuah masyarakat MADANI yang harmoni, inklusif dan sejahtera," ujar beliau. – *UMNO Online*



# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK :	TEEN GIRL OFFERING SEX ON TELEGRAM PLACED IN WELFARE CARE, SAY COPS		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE BORNEO POST
TARIKH :	30 SEPTEMBER 2025	M/SURAT :	04
TONE :	NEUTRAL	SEKTOR :	KPWKM

## Teen girl offering sex on Telegram placed in welfare care, say cops

**KOTA BHARU:** The 15-year-old girl who was discovered offering sexual services via Telegram in Pasir Puteh has been placed under the care of the Social Welfare Department (JKM), Kelantan police chief Datuk Mohd Yusoff Mamat said.

He said the decision was made after police evaluated her age and background, which includes a reported history of being a rape

victim.

He added that initial investigations found that the girl had been living with her father following her parents' separation, and that the hardship and pressures of her family life may have led her to seek an outlet.

"We cannot rule out the possibility that someone exploited the girl's dire situation.

"This case cannot be viewed

merely as a criminal act; it requires a comprehensive rehabilitation approach," he said when met at Istana Balai Besar here yesterday.

The case came to light after a police report was filed last Saturday by a single mother, who suspected her 15-year-old daughter was offering sexual services through Telegram.

— Bernama

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Remaja Tawar Perkhidmatan Seksual Melalui Telegram Ditempatkan Di Bawah JKM

🕒 29/09/2025 09:12 PM



Ketua Polis Kelantan Datuk Mohd Yusoff Mamat

KOTA BHARU, 29 Sept (Bernama) -- Remaja 15 tahun yang didakwa menawarkan perkhidmatan seksual melalui aplikasi Telegram kini diletakkan di bawah jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), kata Ketua Polis Kelantan Datuk Mohd Yusoff Mamat.

Beliau berkata tindakan itu diambil selepas polis menilai faktor umur serta latar belakang remaja tersebut yang memerlukan perlindungan dan bimbingan.

Beliau berkata siasatan awal mendapati remaja itu mula terjebak dengan aktiviti itu selepas mengalami episod hitam dalam hidup selain akibat tekanan hidup.

"Kita tidak menolak kemungkinan wujud pihak mengambil kesempatan hidup remaja itu dan mengajarnya menggunakan Telegram untuk mencari pelanggan. Isu ini tidak boleh dilihat secara sempit sebagai perbuatan jenayah semata-mata, sebaliknya memerlukan pendekatan pemulihan menyeluruh," katanya.

Mohd Yusoff berkata demikian selepas menghadiri Istiadat Pengurniaan Kehormatan Kebesaran Negeri Kelantan, Istiadat Menjunjung Duli dan Istiadat Menyembah Ucapan Tahniah dan Taat Setia sempena Hari Keputeraan Sultan Kelantan Sultan Muhammad V yang ke-56 di Istana Balai Besar, di sini hari ini.

Beliau berkata remaja yang tinggal bersama bapa di Pasir Puteh selepas orang tua berpisah itu masih muda dan penting untuk pihak berwajib memberi kaunseling serta peluang kepadanya membina semula kehidupan.

Sebelum ini, media melaporkan seorang ibu tunggal membuat laporan polis kerana mengesyaki anak perempuannya menawarkan perkhidmatan seksual melalui aplikasi tersebut.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Sarawak deploys 7,000 personnel for northeast monsoon season

theSun Local

2025-09-29 06:41 PM



**KUCHING:** Sarawak is on high alert to face the Northeast Monsoon expected from November to March 2026 with over 7,000 frontline personnel and 20,000 volunteers ready.

Deputy Premier Datuk Amar Douglas Uggah Embas said 7,407 personnel from various security and rescue agencies have been mobilised for flood incidents.

He confirmed the state has 3,637 land assets, 8,619 water assets, and 14 air assets like helicopters and drones available for operations.

Uggah added that 22,428 volunteers have been mobilised to serve as field support staff during the monsoon season.

The state government has strengthened the Community Emergency Response Team comprising village and longhouse committees for interior areas.

"This is crucial because there are areas that are very far, and it will take time for the rescue vehicles to reach them," he explained.

He noted that floods in Sarawak normally occur between January and March each year.

Regarding support facilities, Uggah said 658 temporary relief centres have been identified statewide.

The Social Welfare Department has prepared a depot in Kota Samarahan and 28 forward bases as storage centres for essential supplies.

"We have instructed every resident to check on the condition of the relief centres and repair any damage immediately," he stated.

The Public Works Department and Drainage and Irrigation Department have been asked to monitor roads and slopes to prevent landslides.

Uggah confirmed the Sarawak Security and Enforcement Unit will lead field teams with the Immune Belt Enforcement Team.

This deployment aims to strengthen rescue agency capabilities at the grassroots level throughout the monsoon period. – Bernama

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Kempen Sifar Kemiskinan Haid, tangani isu remaja perempuan Malaysia

Nasional - Dicipta: 29 September 2025 05:48 PM



Foto RTM

**KUALA LUMPUR, 29 September** - Kempen Sifar Kemiskinan Haid peringkat Parlimen Bandar Tun Razak dilancarkan bagi meningkatkan kesedaran dan menangani isu kemiskinan haid yang masih membelenggu remaja perempuan serta wanita di Malaysia.

Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail berkata, kemiskinan haid atau 'period poverty' bukanlah isu asing di peringkat global, namun masih dianggap tabu dan kurang dibincangkan secara terbuka di Malaysia.

"Ini kita tengok dalam erti kata angka 13.1 peratus remaja perempuan dan wanita muda daripada golongan B40 di Kuala Lumpur tidak mampu membeli tuala wanita setiap bulan, manakala 1 daripada 2 pelajar perempuan pernah berfikir untuk ponteng sekolah ketika datang bulan", katanya ketika ditemui di sini, hari ini.

Tambah beliau, kekangan akses kepada produk kebersihan haid, kemudahan sanitasi selamat serta pendidikan kesihatan reproduktif yang menyeluruh menjejaskan maruah, pendidikan dan kesejahteraan emosi remaja perempuan.

Beliau turut menegaskan, kemiskinan haid memberi kesan besar kepada komuniti luar bandar termasuk masyarakat Orang Asli, Sabah dan Sarawak, dengan kadar kemiskinan yang menjejaskan akses kepada air bersih, kemudahan sanitasi serta produk haid.

"Inisiatif ini dianjurkan Majlis Belia Wilayah Persekutuan dengan kerjasama Syarikat Uni-Lavender, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta pihak sekolah, sebagai usaha bersama menangani isu sosial dan kesihatan masyarakat.

"Kempen ini bukan sekadar pengagihan produk sanitari, sebaliknya menjadi fokus kepada usaha menghapuskan stigma dan meningkatkan literasi kesihatan reproduktif dalam kalangan pelajar perempuan", katanya.

Majlis sama turut menyaksikan penyertaan pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Cheras dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) tempatan, sebagai simbolik kerjasama masyarakat dalam memperkasa isu kesihatan remaja.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Wanita ditemui mati disyaki dibunuh, polis tahan suami

🕒 29 September 2025, 10:59pm



Oleh: Kumaran Rajamoney

IPOH: Seorang wanita ditemui meninggal dunia, disyaki dibunuh di sebuah rumah di Kampung Kuala Kuang, Chemoor dekat sini, tengah hari tadi.

Ketua Polis Ipoh Asisten Komisioner Abang Zainal Abidin Abang Ahmad memaklumkan pihaknya menerima makluman mengenai kejadian itu kira-kira jam 12.30 tengah hari.

"Mangsa merupakan seorang warga Myanmar. Sepasukan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ipoh bergegas ke lokasi kejadian sebaik menerima maklumat. Pemeriksaan kemudian mendapati mangsa telah pun meninggal dunia," katanya ketika dihubungi.

Polis telah menahan suami mangsa bagi membantu siasatan.

Mayat mangsa dihantar ke Jabatan Forensik Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB) Ipoh untuk bedah siasat.

Siasatan dijalankan bagi mengenal pasti punca kematian dan motif kejadian.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Karisa (kanan) mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret Parit bagi tiga pertuduhan termasuk mencabul kehormatan dan mencederakan mangsa wanita, dua minggu lalu.

## Lans Koperal didakwa sentuh, cederakan wanita Orang Asli

Oleh ASLUZA MUSA 29 September 2025, 3:59 pm

PARIT – Seorang anggota polis berpangkat lans koperal dihadapkan ke Mahkamah Majistret di sini hari ini atas tiga pertuduhan termasuk mencabul kehormatan dan mencederakan mangsa wanita di kebun kelapa sawit, dua minggu lalu.

Tertuduh, Karisa Karim, 28, bagaimanapun mengaku tidak bersalah selepas kesemua pertuduhan dibacakan jurubahasa di hadapan Majistret Nurul Izalina Rajaai.

Mengikut pertuduhan, anggota polis yang bertugas di Kem Pasukan Gerakan Am (PGA) Ulu Kinta itu didakwa telah melakukan kekerasan jenayah terhadap seorang wanita Orang Asli berusia 21 tahun dengan niat mencabul kehormatan mangsa.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu di kebun kelapa sawit berhampiran Kampung Asli Chenderong Kelubi, Kampung Gajah dalam daerah Perak Tengah pada pukul 3.10 pagi, 21 September 2025.

Dia didakwa mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara 10 tahun atau dengan denda atau sebat atau mana-mana dua daripada hukuman tersebut, jika sabit kesalahan.

Tertuduh turut didakwa bagi pertuduhan mendatangkan kecederaan kepada mangsa dan mengaibkan kehormatan wanita itu dengan merakam gambarnya dalam keadaan tidak berseluar dengan menggunakan telefon bimbit di lokasi, tarikh dan masa yang sama.

Bagi pertuduhan mendatangkan kecederaan, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum satu tahun atau denda sehingga RM2,000 atau kedua-dua sekali.

Manakala bagi pertuduhan mengaibkan kehormatan, lelaki itu didakwa mengikut Seksyen 509 Kanun Keseksan yang membawa hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan. – KOSMO! ONLINE

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm

TAJUK :	TEEN WHO RAPED GIRL, 14, SENT TO HENRY GURNEY SCHOOL		
HARI :	SELASA	AKHBAR :	THE STAR
TARIKH :	30 SEPTEMBER 2025	M/SURAT :	13
TONE :	NEGATIF	SEKTOR :	KPWKM

## Teen who raped girl, 14, sent to Henry Gurney School

By **SARBAN SINGH**  
sarbans@thestar.com.my

**SEREMBAN:** A shop assistant who pleaded guilty to a charge of raping a 14-year-old girl has been ordered to undergo rehabilitation at the Henry Gurney School until he turns 21.

Sessions Court judge Surita Budin made the ruling after the court was told that the family of the accused, who was four months

short of turning 19 when the crime was committed, was not present in court to post bond.

The accused had pleaded guilty when he was first charged on Aug 27.

He admitted committing the offence in a hotel room here around 9.30am on Aug 19 and charged under Section 376(1) of the Penal Code which carries a jail term of up to 20 years and whipping, upon conviction.

Earlier, a Social Welfare Department officer told the court that the accused is the oldest of seven siblings and had completed his skills certificate in repairing and servicing air conditioners.

She said he was often abused by his father, forcing him to leave the family home in Johor and to move in with his cousins here.

The officer also said the teenager earned around RM1,500 a

month working at the shop during the day and sold burgers in the evenings.

The accused, she said, had also claimed that he came to know the victim, who was from Kedah, through social media.

In mitigation, the accused who was unrepresented pleaded that he not be sent to jail. He also asked for a lighter sentence, such as community service, as this was his first offence.

Deputy public prosecutor Norazihah Asmuni said the accused had committed a serious offence against a child.

Surita then asked if any relatives of the accused were present and was told the parents were unable to attend due to financial problems.

She made the ruling after a male relative told the court the family did not have the means to post a bond.

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



## Remaja rogol kenalan bawah umur dihantar ke Sekolah Henry Gurney

Ahmad Hasbi  
am@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Seremban: Mahkamah Sesyen di sini, hari ini memerintahkan seorang remaja berusia 18 tahun ditempatkan di Sekolah Henry Gurney sehingga berusia 21 tahun kerana merogol seorang kenalan wanita tahun lalu yang dikenalnya menerusi platform media sosial.

Hakim Datin Surita Budin menjatuhkan hukuman itu selepas remaja terbabit mengaku bersalah melakukan kesalahan mengikut Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan pada prosiding laporan sosial dan hukuman.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun atau sebatan.

Mengikut pertuduhan, tertuduh merogol seorang remaja perempuan berusia 13 tahun pada 19 Ogos 2025, kira-kira jam 9.35 pagi di sebuah hotel di Jalan Rasah, Bukit Rasah, di sini.

Menurut fakta kes, tertuduh mengenali mangsa melalui aplikasi dalam talian dan bertemu di sebuah hotel sebelum melakukan hubungan seks sebanyak lima kali.

Difahamkan, mangsa menaiki bas dari Kedah ke daerah ini. Pemeriksaan di hospital turut mendapati terdapat koyakan lama pada tisu bahagian sulit remaja berkenaan.

Pegawai Perintah Khidmat Masyarakat, Azlina Mohd Salleh, mengesyorkan tertuduh menjalani khidmat masyarakat memandangkan hukuman penjara tidak sesuai dengan usia tertuduh.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam memohon untuk menjalani khidmat masyarakat atau dimasukkan ke Sekolah Henry Gurney.

Sepupu tertuduh yang hadir di mahkamah memaklumkan bahawa ibu bapa remaja berkenaan yang menetap di Johor tidak dapat hadir kerana kekangan kewangan, selain mengakui tidak mampu membayar bon jaminan.

Timbalan Pendakwa Raya, Norazihah Asmuni, pula memohon hukuman setimpal bagi memberi pengajaran memandangkan mangsa adalah remaja bawah umur.